

18 NOV 1998

APEC-BERITA-JEPUN/I

MALAYSIA BIMBANG KEMUNGKINAN CAMPURTANGAN DALAM PEMBAYARAN PINJAMAN JEPUN

Oleh: S. Durga Varma

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Malaysia merasa bimbang tawaran bantuan kewangan oleh Jepun kepada negara ini akan menempuh halangan dari segi pembayaran jika ada campurtangan oleh negara-negara lain, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir hari ini.

"Tawaran Jepun itu memang baik tetapi ada orang mungkin masuk campur untuk menghalang Jepun daripada mengeluarkan wang tersebut," katanya pada satu sidang akhbar pada akhir Sidang Kemuncak Pemimpin Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Baru-baru ini Jepun mengumumkan pinjaman syarat mudah berjumlah AS\$1.8 bilion (AS\$1=RM3.8) khusus untuk Malaysia di samping inisiatif bernilai AS\$30 bilion yang dikenali sebagai Rancangan Miyazawa untuk membantu mengembalikan pertumbuhan di negara-negara Asia yang dilanda krisis.

Daripada AS\$30 bilion ini, separuh berbentuk pinjaman jangka pendek dan bakinya dalam bentuk pinjaman jangka sederhana dan panjang.

Pada hari Selasa setiausaha akhbar Perdana Menteri Keizo Obuchi, Akitaka Saki, berkata Jepun tidak akan membiarkan Amerika Syarikat menentukan negara mana dapat apa di bawah program bantuan kewangannya dan pembayaran akan dibuat berdasarkan keperluan negara-negara pengguna.

"Kami akan pastikan bahawa bantuan ini tidak dikaitkan dengan faktor-faktor yang lain daripada pertimbangan ekonomi. Kami juga akan pastikan bahawa keadaan politik dalaman tidak menentukan sama ada sesebuah negara itu mendapat lebih atau kurang," tegas beliau di luar sidang kemuncak Apec.

Dr Mahathir juga ditanya jika ada percubaan oleh Amerika Syarikat untuk mengetepikan Malaysia daripada pakej-pakej bantuan sedemikian dan beliau menjawab: "Tidak banyak yang saya tahu tentang pakej bantuan A.S. Kita berunding dengan Jepun."

Sementara itu Naib Presiden Amerika Al Gore, mengumumkan pada majlis makan malam Sidang Kemuncak Perniagaan Apec Isnin lalu bahawa Bank Import Eksport Amerika Syarikat akan menyediakan pembiayaan jangka sederhana kepada Indonesia, Thailand dan Korea, masing-masing berjumlah AS\$1 bilion selain AS\$5 bilion yang diberikan terdahulu.

Gore juga berkata program bantuan ini akan memperkukuhkan program jangka pendek yang sedia ada di negara-negara ini dan membantu mereka memenuhi keperluan masing-masing manakala pada masa yang sama menggalakkan perdagangan antara Amerika Syarikat dan negara-negara ini.

Naib presiden Amerika itu juga mengumumkan bahawa Perbadanan Pelaburan Seberang Lautnya akan menyediakan sokongan insurans dan pembiayaan berjumlah lebih AS\$2 bilion bagi membantu pelaburan swasta baru di Asia dan akan mewujudkan satu produk pembiayaan baru yang berinovasi untuk membawa lebih banyak modal swasta ke rantau ini.

-- BERNAMA

DVS KY MA